



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**“SIMBOL NIFAQ” MELALUI VIDEO DIGITAL
TOPENG IMAN SEBAGAI WADAH
KRITIKAN SOSIAL**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MUHAMMAD SHAKKIR BIN ABDUL LATIFF

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**“SIMBOL NIFAQ” MELALUI VIDEO DIGITAL TOPENG IMAN SEBAGAI
WADAH KRITIKAN SOSIAL**

MUHAMMAD SHAKKIR BIN ABDUL LATIFF

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **15 APRIL 2025**

i. Perakuan Pelajar

Saya, **MUHAMMAD SHAKKIR BIN ABDUL LATIFF (M20222002347)**
FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN Dengan Ini Mengaku Bahawa
Disertasi/Tesis Yang Bertajuk "**SIMBOL NIFAQ**" **MELALUI VIDEO DIGITAL**
TOPENG IMAN SEBAGAI WADAH KRITIKAN SOSIAL adalah hasil kerja saya
sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang
mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang
dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada
atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan
sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. NOR SHURADI BIN HAJI NOR HASHIM** dengan ini mengesahkan
bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk "**SIMBOL NIFAQ**" **MELALUI VIDEO**
DIGITAL TOPENG IMAN SEBAGAI WADAH KRITIKAN SOSIAL dihasilkan
oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian
Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH**
SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN.

16/6/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **“SIMBOL NIFAQ” MELALUI VIDEO DIGITAL TOPENG IMAN SEBAGAI WADAH KRITIKAN SOSIAL**
 No. Matrik /Matric's No.: **M20222002347**
 Saya / I : **MUHAMMAD SHAKKIR BIN ABDUL LATIFF**
 (Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Disertasi (Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/
Signature)

Tarikh: 16/6/2025

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
DR NOR SHURADI HAJI NOR HASHIM
 & (Nama & Jabatan Rasmi / Name & Official Position)
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
 Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izinNYA tesis ini berjaya disiapkan. Dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian, membangunkan perisian, kerangka teoretikal, kerangka konseptual, perumusan, interpretasi dan pendokumentasian, penyelidikan telah mendapat bantuan secara langsung dan tidak dari individu-individu berikut: Dr Nor Shuradi Nor Hashim selaku penyelia yang banyak memberi nasihat dan panduan, rakan-rakan akademik dari kalangan UPSI dan luar yang terlibat secara langsung beserta tidak langsung bagi kajian ini. Diucapkan berbilang ribuan terima kasih terutamanya kepada Ibu Haniza Binti Zamri serta ahli keluarga yang tercinta kerana banyak memberikan kekuatan dan dorongan sepanjang penulisan tesis ini. Turut mengucapkan rasa terima kasih tidak terhingga kepada rakan-rakan sekeliling yang saling banyak membantu dan mendoakan agar kajian ini dapat disempurnakan mengikut keperluan pengijazahan. Akhir sekali ucapan doa kepada arwah Ayah agar roh beliau dicucuri rahmat olehNYA. Amin.





ABSTRAK

Projek Pengajian Persembahan (D3P-Karya Kreatif) ini menghasilkan video digital sebagai medium kritikan sosial, melangkaui fungsi hiburan dan estetika semata-mata. Kajian ini meneliti bagaimana video digital dapat berperanan sebagai alat kritikan sosial dengan menumpukan pada aspek naratif dan sinematik berasaskan isu Nifaq. Projek ini mempunyai dua objektif utama: pertama, mereka cipta naratif dan sinematik video digital yang menggambarkan isu Nifaq, dan kedua, mendemonstrasikan karya *Topeng Iman* sebagai wadah kritikan sosial. Karya ini mengetengahkan golongan agamawan sebagai subjek utama kritikan melalui struktur naratif dan sinematik yang membangkitkan persoalan mengenai hipokrisi dalam amalan keagamaan. Kerangka penciptaan projek ini berasaskan Teori Bordwell dan Teori Semiotik Peirce. Teori Bordwell digunakan dalam pembinaan aspek naratif dan sinematik, manakala Teori Semiotik Peirce membantu dalam memperkukuh makna tanda melalui ikon, indeks, dan simbol dalam bingkai video. Pengumpulan data dilakukan melalui analisis kandungan bagi mengenal pasti tindakan pelanggaran batas agama yang mencerminkan tabiat Nifaq. Hasil penciptaan video digital ini menampilkan plot anti-linear, naratif ambiguiti, serta gabungan lakonan realistik dan presentational. Dari aspek sinematik, elemen seperti sinematografi, mise-en-scène, penyuntingan video, dan sistem tanda bunyi diaplikasikan dalam bentuk simbolis dan anti-linear. Kajian ini membuktikan bahawa *Topeng Iman* bukan sahaja menawarkan nilai estetika bersifat eksperimentasi tetapi turut berfungsi sebagai komentar sosial terhadap fenomena Nifaq dalam kalangan agamawan. Implikasi projek ini menunjukkan bahawa pendekatan naratif dan sinematik dapat dijadikan sebagai kerangka penciptaan karya kreatif yang berpotensi mengangkat kritikan sosial terhadap isu utama dalam masyarakat.





"NIFAQ SYMBOL" THROUGH DIGITAL VIDEO OF TOPENG IMAN AS A MASTERPIECE FOR SOCIAL COMMENTARY

ABSTRACT

The Performing Arts Study Project (D3P-Creative Work) produces digital video as a medium for social critique, extending beyond mere entertainment and aesthetics. This study examines how digital video can function as a tool for social criticism by focusing on narrative and cinematic aspects based on the issue of Nifaq. This project has two main objectives: first, to design a narrative and cinematic approach to digital video that illustrates the issue of Nifaq, and second, to demonstrate the work *Topeng Iman* as a platform for social critique. The work highlights religious figures as the primary subjects of criticism through a narrative and cinematic structure that raises questions about hypocrisy in religious practices. The creative framework of this project is based on Bordwell's Theory and Peirce's Semiotic Theory. Bordwell's Theory is applied to developing narrative and cinematic aspects, while Peirce's Semiotic Theory strengthens meaning through iconic, indexical, and symbolic signs within the video frame. Data collection is conducted through content analysis to identify transgressions of religious boundaries that reflect the nature of Nifaq. The creation of this digital video features an anti-linear plot, an ambiguous narrative, and a combination of realistic and presentational acting. Cinematically, elements such as cinematography, mise-en-scène, video editing, and sound-sign systems are applied in a symbolic and anti-linear manner. This study demonstrates that *Topeng Iman* is an experimental aesthetic work and serves as a social commentary on Nifaq among religious figures. The implications of this project suggest that narrative and cinematic approaches can serve as a framework for creative works capable of elevating social critique on key issues within society.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
BAB 1 PENGENALAN DAN LATARBELAKANG	
1.1 Inspirasi dan Motivasi	1
1.2 Matlamat Penciptaan	11
1.3 Objektif Penciptaan	14
1.4 Persoalan Idea Penciptaan	14
1.5 Konseptualisasi Topik	15
1.5.1 Teriakan Nifaq melalui video digital ‘Topeng Iman’	15
1.5.2 Wadah Kritikan Sosial	16
1.5.3 Karya Video Digital	18
1.6 Imaginasi Idea Penciptaan	20
BAB 2 KARYA LITERATUR DAN KARYA KREATIF	
2.1 Kajian Literatur	23

2.2	Kajian Karya Kreatif	29
2.3	Keaslian Penciptaan	32

BAB 3 KONSEP PENCIPTAAN

3.1	Landasan Teori Penciptaan	36
3.1.1	Teori Bordwell: Filem sebagai Seni	36
3.1.2	Teori Semiotik Pierce	44
3.2	Konseptualisasi Idea Penciptaan	48

BAB 4 PROSES PENCIPTAAN KARYA KREATIF

4.1	Kaedah Pengumpulan Maklumat Penciptaan	55
4.1.1	Hasil Analisis Kandungan Tema 1: Isu Pelanggaran Batas Nilai Sosial dan Batas Agama	57
4.1.1.1	Tema Kes 1: Penyalahgunaan Dadah Oleh Penyanyi Lagu Nasyid	58
4.1.1.2	Tema Kes 2: Penyalahgunaan Kuasa dan Keganasan Dalam Pendidikan Agama	58
4.1.1.3	Tema Kes 3: Isu Keganasan dalam Pendidikan	59
4.1.2	Hasil Analisis Kandungan Tema 2: Isu Penyalahgunaan Seksual	60
4.1.2.1	Tema Kes 1: Gangguan Seksual oleh Pendidik	60
4.1.2.2	Tema Kes 2: Penyalahgunaan Kuasa dalam Komunikasi Digital: Kes Pendakwah Menghantar Mesej Lucah	61
4.1.2.3	Tema Kes 3: Liwat dalam Institusi Pendidikan Agama: Penyalahgunaan Kuasa dan Keganasan Seksual	62
4.1.3	Hasil Analisis Kandungan Tema 3: Aktiviti Ekstremisme Atau Radikalisasi	62
4.1.3.1	Tema Kes 1: Eksploitasi Nasab Suci Nabi untuk Kepentingan Peribadi	63

4.1.3.2	Tema Kes 2: Penunggang Agama untuk Kepentingan Politik	63
4.1.3.3	Tema Kes 3: Isu Penyelewengan Ajaran Agama	64
4.1.4	Hasil Analisis Kandungan Tema 4: Amalan Rasuah dan Penyelewengan Dana Kewangan	65
4.1.4.1	Tema Kes 1: Amalan Rasuah oleh Pengetua Sekolah Agama	65
4.1.4.2	Tema Kes 2: Rasuah Pengurusan Pendaftaran Pernikahan di Kangar, Perlis	66
4.1.4.3	Tema Kes 3: Salah Guna Kuasa oleh Personaliti Agama di Media Sosial	67
4.2	Pendekatan Penciptaan	69
4.2.1	Merekacipta Aspek Naratif Karya Video Topeng Iman	70
4.2.1.1	Rekacipta Naratif berasaskan Teknik Plot Flashback dan Flashforward	72
4.2.1.2	Rekacipta Naratif berasaskan Teknik Fragmentasi Cerita	75
4.2.1.3	Rekacipta Naratif berasaskan Teknik Akibat dan Sebab Terbalik	77
4.2.1.4	Rekacipta Naratif berasaskan Penggunaan Simbolisme dan Motif	79
4.2.1.5	Rekacipta Naratif berasaskan Ambiguity Narratives	81
4.2.1.6	Membangunkan Rekacipta Gambaran Watak Secara Aksi Realistik dan Anti Realistik	83
4.2.1.7	Membangunkan Rekacipta Gambaran Watak Secara Aksi Realistik dan Anti Realistik	85
4.2.2	Merekacipta aspek sinematik karya Video Topeng Iman	88

4.2.3	Rekacipta Sinematik Mise-En-Scene Secara Realistik Dan Anti Realistik	97
4.2.4	Rekacipta Sinematik pada Sinematografi	101
4.2.5	Rekacipta Sinematik Teknik Penyuntingan Secara Non Linear Dan Bersifat Paralel	102
4.2.5.1	Pemilihan Penyuntingan Non-Linear	102
4.2.6	Efek Bunyi	105
BAB 5 DESKRIPSI KARYA KREATIF		
5.1	Pembentukan Karya	108
5.1.1	Bentuk Karya Produksi Video Digital Topeng Iman	108
5.1.2	Pemaparan Efek Bunyi pada Sinematik Karya	146
5.2	Struktur Pengkaryaan	148
5.3	Program Persembahan	181
BAB 6 REFLEKSI DAN RUMUSAN		
6.1	Refleksi	183
6.2	Rumusan	196
6.3	Cadangan	197
RUJUKAN		198

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	'Kelainan' pada karya produksi video digital 'Topeng Iman'	34
4.1	Teknik Plot Flashback dan Flashforward pada aspek naratif Topeng Iman	73
4.2	Teknik Fragmentasi Cerita pada aspek naratif Topeng Iman	76
4.3	Teknik Akibat dan Sebab Terbalik pada aspek naratif Topeng Iman	78
4.4	Penggunaan Simbolisme dan Motif pada aspek naratif Topeng Iman	79
4.5	Rekacipta Aspek Sinematik Topeng Iman melalui Paparan Cerita (Story Board)	88
5.1	Paparan Teknik Plot Flashback dan Flashforward pada aspek naratif Topeng Iman	111
5.2	Teknik Fragmentasi Cerita pada aspek naratif Topeng Iman	113
5.3	Pemaparan Bentuk Naratif berasaskan Teknik Akibat dan Sebab Terbalik pada drama Topeng Iman	114
5.4	Bentuk Pemaparan Simbolisme dan Motif pada aspek naratif Topeng Iman	115
5.5	Struktur Persembahan Video Digital Topen Iman dari Ruang Bingkai ke Bingkai Lain	149
5.6	Jadual Struktur Perjalanan Program	182

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Idea Penciptaan berasaskan Kerangka Teori Bordwell (2017) dan sokongan Teori Semiotik Peirce (2007)	54
5.1	Gambar Shot Mise-En-Scene Latar Bangunan Surau bagi memperkukuhkan tanda latar watak Imam yang dipersepsikan warak dan beriman	122
5.2	Gambar Shot Mise-En-Scene Latar Bangunan Surau bagi memperkukuhkan tanda latar Simbol masyarakat beragama Islam	122
5.3	Gambar Shot Mise-En-Scene Latar Bangunan Balai Raya bagi menegaskan tentang tempat berkumpul orang kampung dan penentangan kuasa watak-watak dalam Topeng Iman	123
5.4	Gambar Shot Mise-En-Scene Latar Bangunan Balai Raya bagi memperlihatkan amalan rasuah dan salahgunakuasa yang dimandatkan	124
5.5	Gambar Shot Mise-En-Scene latar alam semulajadi memperkukuhkan simbol kedamaian dan ketenangan dalam agama	125
5.6	Gambar Shot Mise-En-Scene Set misteri yang menampilkan dunia watak korus dan tidak realistik Topeng Iman	126
5.7	Gambar Shot Mise-En-Scene Set misteri yang menampilkan dunia watak korus dan tidak realistik Topeng Iman	126
5.8	Gambar Shot watak Imam beraksi di surau sebagai manusia beriman	128
5.9	Gambar Shot watak Cikgu Pei dan watak Melati berinteraksi mesra hubungan keluarga	129
5.10	Gambar Shot watak watak Nik Usman berinteraksi dengan watak Imam	130

- 5.11 Gambar Watak Korus yang berperanan sebagai ikonik watak metafora sebagai manusia yang buta tuli menerima segala tindak tanduk watak Imam dan watak Tok Siak 131
- 5.12 Gambar Shot Mise-En-Scene latar cahaya merah mewujudkan suasana seram dan cemas 132
- 5.13 Gambar Shot Mise-En-Scene latar cahaya merah menunjukkan kekuatan dan kekuasaan 133
- 5.14 Gambar Mise-en-scene Pakaian watak Imam dan Tok Siak yang memberikan kesan menarik pada karya video digital Topeng Iman 134
- 5.15 Gambar Mise-en-scene Pakaian watak Pengembara yang memberikan kesan menarik pada karya video digital Topeng Iman 135
- 5.16 Gambar Mise-en-scene Pakaian watak Melati yang memberikan kesan menarik pada karya video digital Topeng Iman 135
- 5.17 Gambar Mise-en-scene Pakaian watak Korus yang memberikan kesan menarik pada karya video digital Topeng Iman 136
- 5.18 Gambar Mise-en-scene Pakaian watak metafora Imam dan Tok Siak yang memberikan kesan menarik pada karya video digital Topeng Iman 137
- 5.19 Gambar sinematografi Dutch Shot untuk memberikan kesan intens dalam adegan ini 138
- 5.20 Gambar sinematografi oblique shot watak Imam dan watak Luqman sedang mengaji Menyimbolkan sesuatu yang akan berlaku 139
- 5.21 Gambar sinematografi oblique shot metafora watak Imam bertopeng yang meratah watak Melati menandakan sesuatu buruk akan berlaku 139
- 5.22 Gambar sinematografi low angle shot metafora watak Imam yang menunjukkan berkuasa dan dihormati masyarakat 140
- 5.23 Gambar shot-shot bagi menegaskan teknik penyuntingan non-linear pada karya video digital Topeng Iman dimana babak yang tidak berkait digabungkan dalam satu garis masa cerita 142

- | | | |
|------|---|-----|
| 5.24 | Gambar shot-shot bagi menegaskan teknik penyuntingan Paralel yang menegaskan kesinambungan sifat munafik Imam | 143 |
| 5.25 | Gambar sinematografi teknik cross cutting dan foreshadowing menunjukkan situasi yang sedang atau akan dihadapi Melati | 144 |
| 5.26 | Gambar shot-shot bagi menegaskan teknik teknik disjunctive editing scene-scene Melati dicabul dan mengakhiri adegan itu dengan tiba-tiba tanpa berkesinambungan | 145 |



BAB 1

Pengenalan dan Latar Belakang



Produksi video digital pada dunia alaf baharu ini bukan hanya menawarkan nilai estetik persembahan secara realis dan bersifat eksperimentasi semata-mata. Pengkaji menegaskan penerbitan video digital turut berfungsi sebagai medium skrin yang mengkritik, mempertikaikan, mempertanyakan semula isu-isu yang timbul dari permasalahan sendiri individu, atau kelompok manusia dengan membabitkan soal nilai, soal budaya, soal pendidikan, soal hal institusi kekeluargaan, institusi sosial, institusi kerajaan, pembangunan sosial dan negara. Pandangan pengkaji disokong bersama oleh Gray (2020) yang menjelaskan medium skrin seperti filem dan video digital berfungsi sebagai medium antropologi. Tegasnya, kandungan naratif filem dan video digital memaparkan cerminan budaya masyarakat yang diterbitkan melalui inspirasi pengkarya kepada penonton. Melalui kisah cerita manusia yang dibangunkan dalam





bentuk genre seperti genre drama masyarakat, genre *science-fiction*, genre *triller*, genre *musical* dan genre futuristik telah secara langsung memaparkan kisah sesuatu individu, kelompok dan masyarakat yang boleh dilihat, dibaca, difahami dan dikaji oleh penonton mengenai krisis sosio budaya sesuatu masyarakat tersebut. Dengan demikian, Zirong Lu (2023) menegaskan fungsi filem dan produksi video digital selain bertindak sebagai medium hiburan dan pendidikan, maka medium ini turut merupakan cerminan sosiopolitik yang memaparkan krisis kehidupan yang dihadapi masyarakat.

Pada masa yang sama, Ortner, S. (2023) turut menjelaskan medium filem menjadi alat penting untuk menyampaikan mesej atau ulasan sosial tentang kepincangan sosial kepada penonton. Ini disebabkan oleh keupayaan filem untuk menyampaikan kisah krisis sosial masyarakat melalui pelbagai tema konflik kehidupan manusia. Tegasnya, kandungan naratif ataupun kisah penceritaan yang disalurkan melalui format video digital telah berusaha menggambarkan pelbagai pengalaman krisis hidup manusia. Tema-tema isu sosial seperti diskriminasi, ketidakadilan, kemiskinan, dan ketidakseimbangan kuasa menjadi pilihan pengkarya. Malahan, ikonik watak-watak dalam gambaran kehidupan pada medium filem dan video digital sering mewakili stereotaip atau pengalaman tertentu dalam kumpulan sosial. Perihal ini termasuk pengalaman atau stereotaip isu seperti gender, kaum, agama atau orientasi seksual boleh diangkat dalam gambaran ini. Dengan demikian, Khoo, G.S., Ash, E. (2023) turut membahaskan bahawa plot, dialog, dan peristiwa cerita membolehkan filem meneroka isu sosial secara menyeluruh. Perihal ini boleh diperhatikan dengan menonton filem yang menonjolkan kelemahan sistem agama yang membenarkan penyalahgunaan seksual di gereja Katolik. Dengan demikian, filem berfungsi sebagai medium yang menyampaikan mesej yang rumit dan memprovokasi perasaan dan





fikiran. Tegasnya, filem adalah alat yang sangat kuat untuk menunjukkan realiti sosial dan menyokong keadilan sosial.

Melalui perbincangan Ortner, S. (2023), Khoo, G.S., Ash, E. (2023), Zirong Lu (2023) dan Gray (2020) jelas menunjukkan filem berfungsi sebagai medium '*commentary social*' yang menghadirkan pengkarya mengkritik isu sosial masyarakat pada khalayak. Melalui ini, pengkaji turut bersependapat sama ada untuk propaganda atau pendidikan, penerbitan filem atau format video digital berfungsi sebagai medium wadah seni untuk menyampaikan idea dan kritikan sosial kepada khalayak. Perihal ini disokong melalui hasil kajian oleh Panuju et. al (2019) menunjukkan filem komentar sosiopolitik untuk pasaran aliran perdana diperlukan oleh industri filem negara di Indonesia. Melalui kajian ini mendapati filem cereka di Indonesia pada zaman Kolonial Belanda, pada asasnya berfungsi sebagai media hiburan dengan menggunakan Komedi Sambil sebagai bahan latar persembahan. Namun, semasa Jepun pendudukan, produksi filem di Indonesia telah berfungsi sebagai alat propaganda untuk mempertahankan kuasa dari Kuasa Asia untuk orang Asia dan menampik kehadiran kuasa barat memimpin kedaulatan bangsa Indonesia. Selepas Indonesia mencapai kemerdekaan sehingga tahun 1966, produksi filem dijadikan alat revolusi dan perubahan untuk pembangunan masyarakat dan negara Indonesia, dan kecantikan (estetika) sinematik tidak menjadi suatu keutamaan. Namun, semasa era New Order (1966-1998), produksi perfileman Indonesia sangat ketat dalam menapis tema, cerita, dan idea-idea yang dicampur dengan ideologi Marxisme dan mengkritik kerajaan. Penerbitan filem cereka tempatan Indonesia terus berkembang sehingga hari ini dengan turut berdepan dengan peraturan ketat dari penapisan filem tempatan. Justeru, hasil rumusan kajian ini mengesa pihak Kerajaan Indonesia untuk memberikan ruang





pengkarya menggunakan peranan filem dijadikan alat medium komentar sosiopolitik tanpa disekat dengan peraturan penapisan kandungan yang ketat dan malah lebih fleksibel. Rumusan kajian ini menunjukkan peranan medium filem sebagai alat komentar sosiopolitik agar dapat memupuk penonton penghayatan dan membangunkan terus kepesatan pembangunan negara Indonesia.

Di Malaysia, melalui Aslina Abu Bakar (2023) menjelaskan produksi filem atau video digital boleh berfungsi sebagai medium alat untuk karyawan muda meluahkan perasaan mereka, berkongsi pendapat mereka, menyampaikan perspektif mereka tentang dunia dan menyebarkan idea kreatif mereka kepada orang lain. Tegasnya, pengkarya muda mula berlumba-lumba membuat filem pendek untuk menyampaikan kehendak masyarakat dengan bakat dan pengetahuan mereka, sedar betapa pentingnya filem sebagai medium untuk menyebarkan isu sosial yang berlaku di dalam dan luar negara. Bagi mengenalpasti medium filem dijadikan sebagai alat komentar sosial, pengkaji mendapati terdapat pelbagai kajian menunjukkan karya karyawan muda dan prolifrik di Malaysia telah menerbitkan format filem cereka panjang dan format filem pendek untuk berfungsi sebagai alat untuk mengkritik permasalahan sosial masyarakat. Melalui kajian oleh Nurul Syaheerah Ghazlimi (2020) mendapati pengarah Namron telah mengkritik tentang ketirisan intergriti pasukan Polis Diraja Malaysia tentang amalan rasuah yang dilakukan oleh anggota Polis semasa menjalankan kerja melindungi keselamatan masyarakat sekelilingnya. Melalui kajian oleh Muhd Al-Khawarizme (2021) menunjukkan filem Man Laksa arahan Mamat Khalid telah membincangkan tentang konsep 'Kuasa' atau penyalahan penggunaan kuasa sehingga mengakibatkan isu sosiopolitik seperti masalah amalan rasuah, masalah pendatang tanpa izin telah disisipkan pada naratif sinematik karya ini. Laporan dari Buletin ABIM





(2024) menunjukkan filem Musang Berjanggung (1959), arahan pengarah prolifik tanahair Tan Sri P.Ramlee turut mengkritik sikap moral individu para ulamak dan ustaz. Kandungan naratif filem ini telah menggambarkan ulama sebagai watak penunggang agama dengan mengatakan bahawa mereka adalah orang yang warak dan alim, tetapi mereka diam dan tidak menyedari pelanggaran dan penyalahgunaan kuasa. Oleh itu, melalui permainan watak Filem Musang Berjanggung ini, pengarah P Ramlee mengajar orang ramai untuk tidak percaya kepada mereka yang kelihatan "mulia" dari luar tetapi sebenarnya "munafik" dalam hati sanubari kehidupan mereka. Filem ini juga mengkritik cara kepimpinan kerajaan mengabaikan nasib rakyat, yang kelihatan tidak bertanggungjawab untuk mendengar suara keluhan masyarakat bawahan. Akibatnya, P Ramlee tidak secara eksplisit menekankan bahawa semua pihak harus memainkan peranan penting dalam membina sebuah kerajaan yang mempunyai tatakelola yang baik, yang menolak pemimpin yang tidak bermoral dan yang menyalahgunakan kuasa. Perihal ini boleh diperhatikan tatkalan filem ini mengemukakan sindiran kumpulan politikus dan agamawan yang, apabila mereka berkuasa, berpura-pura bijak dan mulia. Sindirin tentang kealpaan sikap penguasa turut dikritik tatkala mereka mengabaikan kewajipan menjaga mereka yang memerlukan bantuan mereka. Dalam erti kata lain, filem ini mengkritik pimpinan kerana mereka tidak bersedia untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pemimpin yang jujur, adil dan bersih. Ia adalah kritikan terhadap pemimpin dan ulama untuk mengekalkan kuasa mereka dalam melaksanakan tanggungjawab rakyat.

Dengan itu, pengkaji menegaskan filem boleh digunakan sebagai alat untuk menggalakkan kuasa progresif pengkarya seni mengkritik sosiopolitik yang berlaku pada masyarakat dan negara. Melalui hasil kajian Nurul Syaheerah Ghazlimi (2020),





Muhd Al-Khawarizme (2021), Buletin ABIM (2024) dan Aslina Abu Bakar (2023) mendapati pengkarya filem telah menyelongkar kegiatan salah guna kuasa dan rasuah oleh pihak Polis Malaysia, isu penindasan golongan ras etnik, isu melanggar tatasusila agama oleh pihak Ulama dan Agama Islam telah menjadi salah satu topik hangat di dalam produksi Filem dan Video Digital. Dengan demikian, pengkaji menegaskan penerbitan video digital adalah alat provokatif yang digunakan oleh pengkarya untuk mengkritik institusi-institusi seperti Polis, Agama, Sekolah Pondok dan sebagainya. Dengan mengenegahkan kritikan pada institut kepolisan dan keagamaan melalui saluran video digital dapat mencetuskan kesedaran drama masyarakat tentang kepincangan yang berlaku.

Rentetan itu, dalam meniti tentang salah laku jenayah oleh Institusi Keagamaan yang dilakukan oleh para agamaan, para ustaz dan pengajar ilmu agama seperti di pondok pengajian agama. Laporan dari Paya Linda Yaya (2024) melalui Berita Harian Online telah mendapati golongan pengajar Ustaz telah meliwat tiga pelajar yang berlaku di pondok pembelajaran agama di Kelantan. Melalui laporan ini mendapati suspek sebelum ini bertugas di pondok pengajian agama di Bachok, sebelum berpindah ke Machang, telah melakukan perbuatan jenayah meliwat pelajar agama yang bermula sejak 2022 hingga bulan April 2024 ini. Melalui laporan Sinar Harian (2024) telah melaporkan seorang bekas Pengetua Sekolah Rendah Agama didakwa menyeleweng dan mencuri dana derma orang ramai. Melalui kenyataan Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, maka laporan media akhbar ini menjelaskan bahawa pihaknya telah menjalankan penyiasatan mengenai dakwaan itu dan mempunyai laporan mengenainya. Melalui laporan ini didapati pihak polis menasihatkan orang ramai untuk berhati-hati apabila mereka





memberi sumbangan kepada tabung yang ditubuhkan oleh individu mempengaruhi (influencer) dari golongan pendakwah supaya mereka tidak menjadi mangsa penipuan.

Melalui Laporan Astro Awani (2023) telah menjelaskan pihak Kerajaan Negeri Terengganu telah mewartakan wujudnya ajaran sesat individu ulamak bernama Mhd Mohib Khouli Nazem yang melanggar tonggak akidah yang diyakini oleh ulama al-Asya'irah dan al-Maturidiyyah. Salah satu ciri ajaran yang menyimpang oleh Mhd Mohib Khouli Nazem ialah dia mengatakan bahawa Allah SWT mempunyai kuasa ke atas semua dan oleh itu, jika zatnya ingin mengadakan anak untuk diri-Nya, Dia boleh menciptanya. Jelasnya, ajaran itu memahami bahawa Allah SWT harus atau tidak mempunyai anak. Atas isu penyeleweng inilah pihak Kerajaan Terengganu telah mewartakan ajaran Ulamak Mhd Mohib Khouli Nazem adalah sesat dan perlu dihindari pengaruhnya pada masyarakat.



Justeru, melalui pandangan Wan Haslan Khairuddin (2021) telah menegaskan betapa pentingnya umat Islam mempersiapkan diri untuk mengelakkan pelbagai fitnah akhir zaman. Semua perkara yang berkaitan dengan agama harus dirujuk kepada golongan berilmu yang masih hidup. Untuk menyelamatkan diri dan keluarga daripada terjerumus dalam kesesatan, pengetahuan agama mesti dipelajari secara berterusan. Semua orang Islam perlu mengambil kira perkara ini. Ulama yang benar-benar memahami Islam harus memberikan pendapat tentang perkara agama. Dalam menyelesaikan isu agama, pendapat ulama yang muktabar akan menjadi panduan bagi orang Islam dan rujukan bagi golongan agamawan lain. Jelasnya, laporan Majlis Agama Islam Selangor (2015) menegaskan umat Islam di zaman alaf baharu ini mesti sedar betapa pentingnya mereka mempersiapkan diri untuk mengelakkan pelbagai fitnah





akhir zaman. Semua perkara yang berkaitan dengan agama harus dirujuk kepada golongan berilmu yang masih hidup. Untuk menyelamatkan diri dan keluarga daripada terjerumus dalam kesesatan, pengetahuan agama mesti dipelajari secara berterusan. Ini sehaluan dengan hadis yang diriwayat oleh Iman Muslim bahawa zaman saling berdekatan, ilmu dihilangkan, pelbagai fitnah muncul, kebakhilan dilemparkan (ke dalam hati), dan pembunuhan semakin banyak adalah merupakan tanda- tanda kejadian yang berlaku pada umat akhir zaman.

Dalam merumus laporan dari Paya Linda Yaya (2024), Laporan Astro Awani (2023), laporan Sinar Harian (2024), laporan Buletin ABIM (2024) serta pandangan sarjana dari Wan Haslan Khairuddin (2021), Nurul Syaheerah Ghazlimi (2020), Muhd Al-Khawarizme (2021), dan Aslina Abu Bakar (2023), membangkitkan pandangan pengkaji bahawa wujud kelompok manusia yang dipersepsikan warak, alim dan menekuni amalan nilai murni secara zahir dan dipersepsikan manusia ‘penuh imam’ dan suci dari masyarakat. Ironinya, pengkaji mempertikaikan golongan ini turut mempunyai batas dan turut senyap melanggar ajaran nilai Islam sehingga menekuni ciri-ciri fitnah akhir zaman. Perihal ini jelas menyamai ciri-ciri munafik atau amalan ‘Nifaq’ telah dibicarakan banyak pada hadis-hadis dan Al-quran dan pandangan-pandangan individu ulamak yang lain. Melalui Mohd Asri b. Zainul Abidin (2021) telah menegaskan kandungan kalam Al-quran dan hadis Rasulullah SAW memberitahu kita banyak tentang peristiwa akhir zaman. Menurut ajaran Islam, Allah SWT telah membahagikan manusia menjadi tiga kategori: orang yang beriman (mukminin), orang yang ingkar (kafirin), dan orang yang munafik (munafiqin). Pembagian ini mengajar kita untuk mengelak daripada bersikap inkar terhadap segala perintah Allah supaya kita tidak menjadi kafir; atau kita boleh mempunyai iman dan takwa tetapi hanya berkata





patuh pada Allah tetapi tidak melakukan apa yang Dia perintahkan, sehingga kita menjadi munafik. Hadis Baginda Rasulullah yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari menyatakan: **وَإِذَا رَوَّعَدَ أَخْلَفَ وَإِذَا رَوَّادَّ كَذَّبَ وَإِذَا حَدَّثَ إِذَا حَدَّثَ ثَلَاثَ إِذَا حَدَّثَ** iaitu ada tiga tanda atau ciri orang munafik: iaitu (1) mereka bercakap dusta, (2) mengingkari janji dan (3) berkhianat. Tegas, Mohd Asri b. Zainul Abidin (2021) bahawa ALLAH memberitahu kita bahawa nifaq adalah penyakit hati yang dimiliki oleh orang munafik. Mereka tidak tahu mereka sakit. Mereka percaya bahawa mereka berusaha untuk melakukan perkara yang baik apabila mereka bekerjasama dengan golongan kuffar yang membenci orang Islam. Justeru beliau menegaskan bagaimana ALLAH menyifatkan hambamnya bersifat nifaq (munafik) pada permulaan surah al-Baqarah, ayat 8-13: "Dan di antara manusia ada yang berkata: "Kami telah beriman kepada Allah dan Hari akhirat," padahal mereka tidak beriman. (9) Mereka ingin memperdayakan Allah dan orang yang beriman, tetapi sebenarnya mereka hanya memperdayakan diri mereka sendiri, tanpa menyedari. (10) Golongan munafik itu mempunyai penyakit dalam hati mereka, dan Allah menambah penyakit itu lagi kepada mereka. Akibat pendustaan mereka, mereka akan mengalami azab seksa yang mengerikan. Dan apabila mereka diberitahu: "Jangan membuat fasad (kerosakan) di bumi," mereka menjawab: "Kami hanya membuat kebaikan." (12) Ketahuilah! Mereka sebenarnya membuat fasad (kerosakan), tetapi mereka tidak menyedarinya. Melalui kajian perpustakaan yang meneliti surah Al-Baqarah (ayat 17-20) oleh Kamarul Azmi (2018) mendapati golongan munafik ialah orang yang beriman tetapi mempunyai sifat nifak di sebalik iman mereka. Kebinasan mereka bergantung pada tahap iman dan nifak mereka kepada al-Quran dan ajaran Islam. Namun, sifat nifak mereka juga akan menyiksa mereka. Tegas lagi, antara contoh sifat nifak yang boleh dirujuk adalah seperti (1) sifat kejahatan yang bermaharajalela sebagai amalan kehidupan, (2) sifat suka bercakap bohong itu





dipercayai/diyakini, manakala orang jujur itu didustai. (3) kelompok manusia yang mengenakan pemakaian jubah dan serban namun bersifat khianat, takbur dan sombong, (4) amalan orang Mukmin menyembunyikan keimanan, orang Munafik buat salah secara terang-terangan, (5) di datangi lima puluh orang yang sembahyang tapi tiada satu orang pun solatnya yang diterima! Kerana tidak diletakkan Allah sebagai keutamaan dan malahan menunjukkan ibadah dalam keadaan riak.

Lantas, atas ciri perbuatan munafik manusia akhir zaman yang dibicarakan oleh Kamarul Azmi (2018), Hakim Azmi (2020) , Mohd Asri b. Zainul Abidin (2021) dan kes- kes jenayah yang dilakukan oleh golongan ulamak atau ustaz dari laporan laporan dari Paya Linda Yaya (2024), Laporan Astro Awani (2023), laporan Sinar Harian (2024), maka muncul inspirasi dan motivasi pengkaji terdorong menggunakan medium video digital untuk dijadikan saluran mengkritik isu munafik yakni penyakit akhir zaman. Maka, isu 'nifak' inilah yang mencetuskan inspirasi dan motivasi pengkaji untuk dijadikan isu kritikan sosial pada projek akhir ini. Bagi memaparkan krisis nifak sebagai subjek utama kritikan sosial, maka pengkaji menumpukan kepada latar belakang kelompok ulamak atau golongan 'ustaz' sebagai latar naratif penceritaan. Melalui Kamarul Azmi Jasmi (2018) sekali lagi menjelaskan bahawa untuk memahami ciri-ciri orang munafiq, baca ayat al Baqarah (2: 6–16), ianya boleh diperhatikan dari sifat suka berpura-pura sebagai Muslim tetapi hati mereka penuh dengan kekafiran, hati mereka sakit hati terhadap Islam dan penganutnya, mereka sentiasa memandang hina Islam dan penganutnya yang komited, sentiasa mencari jalan yang bertentangan dengan Islam dan ajarannya, dan sentiasa mencari cara untuk memecah belah umat Islam. Melalui ciri-ciri munafik inilah mencetuskan idea penciptaan watak golongan ulamak, ustaz atau diri individu manusia yang mengakui dirinya menekuni amalan Islam.





Namun, sebagai insan yang tidak lari dari pengaruh nafsu amarah, maka watak-watak ini turut digambarkan terjerumus dari perbuatan munafik. Kewajaran pengkaji mengenengahkan ciri-ciri munafik manusia akhir zaman turut sealiran dengan pandangan Hakim Adli Azmi (2020) yang menegaskan perlunya produksi filem menerbitkan cerita yang membawa kepada perbuatan kemungkaran manusia menggunakan alatan filem sebagai bahan komentar sosial. Dengan itu, krisis nifaq yang berlaku pada kehidupan realiti inilah mencetuskan inspirasi dan motivasi pengkaji menggunakan medium video digital untuk dijadikan saluran komunikasi mengkritik isu perbuatan fitnah akhir zaman manusia seperti isu ‘kemunafikan’ sebagai produk karya akhir video digital.



Melalui wacana Kamarul Azmi (2018), Hakim Azmi (2020) dan Dr Mohd Asri b. Zainul Abidin (2021) dan laporan dari media massa tentang sikap golongan ulama, ustaz atau pendakwah yang nekad melanggar batas-batas nilai agama dengan melakukan kes jenayah seperti meliwat pelajar, menyeleweng wang dari kutipan derma, membangunkan ajaran sesat kepada masyarakat atau hal-hal negatif yang berkaitan. Ditambah dengan laporan dari MStar (2020) yang menegaskan golongan agamawan seperti para ulama, ustaz dianggap sebagai sumber rujukan agama dan saranan nilai murni. Justeru, golongan pendakwah perlu menekuni ajaran Rasulullah dan agama Islam dengan melaksanakan dengan hal yang ‘benar’ di dalam kehidupan bermasyarakat dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Sepertimana pandangan Kamarul Azmi (2018), Hakim Azmi (2020), Mohd Asri Zainul Abidin (2021) dan kes-





kes jenayah yang dilakukan oleh golongan pendakwah dan ustaz yang antaranya dari laporan dari Paya Linda Yaya (2024), Laporan Astro Awani (2023), dan laporan Sinar Harian (2024) jelas menunjukkan sifat kemunafikan manusia akhir zaman.

Justeru, matlamat penciptaan projek akhir karya kreatif ini adalah untuk mengkritik di kalangan pendakwah Islam yang nekad melakukan kes jenayah sehingga melanggar batas nilai agama Islam. Dengan berbekalkan pandangan Ortner, S. (2023), Khoo, G.S., Ash, E. (2023), Zirong Lu (2023) dan Gray (2020) yang menegaskan filem berfungsi sebagai medium '*commentary social*' yang menghadirkan pengkarya mengkritik isu sosial masyarakat pada khalayak. Justeru matlamat projek akhir karya kreatif adalah menghasilkan karya video digital sebagai platform untuk menyampaikan idea mengenai tabiat 'nifaq' sebagai isu kritikan. Dengan menunjukkan amalan munafik atau nifak sebagai subjek utama perbincangan. Jadi, matlamat penciptaan karya video ini boleh menjelaskan konsep munafik (juga dikenali sebagai Nifaq) dalam Islam dan cara tanda dan perilaku munafik diamalkan dalam kehidupan seharian. Dengan memilih tajuk persembahan "Topeng Iman," matlamat idea penciptaan dapat menunjukkan usaha kreatif pengkaji selaku pengkarya adalah untuk mempromosikan prinsip kejujuran, integriti, dan ketulusan sebagai prinsip yang sangat penting dalam masyarakat. Hasil karya video "Topeng Iman' boleh menunjukkan kesan negatif munafik terhadap hubungan manusia dan kehidupan bermasyarakat. Karya kreatif ini secara langsung boleh meningkatkan pemahaman agama tentang betapa pentingnya kejujuran dan menolak hipokrisi dalam kehidupan keagamaan dan sehari-hari. Oleh itu, penciptaan video Topeng Iman ini boleh digunakan sebagai usaha pengkaji untuk membuktikan bahawa media digital boleh berfungsi sebagai medium komentar sosial





untuk mengkritik keadilan sosial dan reformasi dalam masyarakat sambil menentang dan menolak amalan munafik dalam pelbagai bentuk.

Di samping itu, matlamat idea penciptaan karya kreatif ini adalah bertujuan untuk menegaskan kerangka teori Bordwell sebagai satu kerangka penciptaan menghasilkan filem sebagai karya seni yang bersifat eksperimental. Maka, matlamat idea penciptaan karya kreatif ini adalah menghasilkan sinematik yang nekad memanipulasi permainan shot, pergerakan kamera, teknik penyuntingan dan permainan aural sinematik secara eksperimentasi dan penuh dengan mainan simbol. Justeru, proses penghasilan idea penciptaan karya kreatif ini penuh dengan mainan sinematik secara memanipulasi permainan shot-shot yang simbolik, penuh dengan permainan gestur, gerak kreatif lakonan tubuh sebagai mewakili watak protagonis dan antagonis golongan ulama yang penuh amalan 'munafik'. Di samping itu, dengan memanipulasikan elemen aural secara diegetic dan non-diegetic, maka visual sinematik projek akhir ini dapat menghasilkan bunyi-secara mainan simbol. Manipulasi dari elemen sinematografi dan bunyi jelas dapat menunjukkan projek akhir penuh dengan inspirasi dan motivasi pengkaji untuk meraikan pemikiran pascastrukturalism dalam menghasilkan bentuk seni pascamodenisme pada produksi digital video. Perkara ini boleh dilakukan oleh pengkaji dengan bekerja memanipulasi sesi penyuntingan pasca produksi digital video untuk menghasilkan secara bentuk anti-realis, anti-struktur dalam memerihalkan isu sifat 'nifak' ulama sebagai latar naratif penceritaan.

Ringkasnya, matlamat penciptaan karya kreatif ini adalah untuk membina dan menghasilkan karya video digital yang cenderung melanggar batas konvensi representasi realiti kepada bentuk sinematik secara eksperimentasi. Dengan





mempraktikkan penghasilan sinematik yang tidak konvensional, seperti editing yang tidak linear, penggunaan efek suara yang mempunyai fungsi pelbagai, atau penyampaian cerita yang kabur dengan ruan dan waktu, boleh termasuk dalam kategori ini. Matlamat penciptaan ini adalah untuk memberikan pengkaji peluang untuk meneroka kaedah produksi skrin baharu dengan memanipulasi audio, visual dan editing yang inovatif. Ini membolehkan kemajuan dalam industri pembikinan video digital menetapkan piawaian baru untuk produk video eksperimental pada masa depan. Dengan menghasilkan karya kreatif dari kerangka teori Bordwell inilah matlamat penciptaan projek akhir ini dapat mewacanakan penghasilan video digital yang dinamik. Maka matlamat penciptaan ini dibangunkan dengan menumpukan kepada objektif seperti berikut:-



1.3 Objektif Penciptaan

- 1.3.1 Merekacipta naratif dan sinematik pengkaryaan video digital berasaskan isu Nifaq.
- 1.3.2 Mendemonstrasikan video digital Topeng Iman sebagai wadah kritikan sosial

1.4 Persoalan Idea Penciptaan

- 1.4.1 Bagaimanakah bentuk naratif dan sinematik pengkaryaan video digital berasaskan isu Nifaq?
- 1.4.2 Bagaimanakah video digital Topeng Iman sebagai wadah kritikan sosial?





1.5 Konseptualisasi Topik

1.5.1 Teriakan Nifaq melalui video digital ‘Topeng Iman’

Konseptualisasi Topik ‘Teriakan Nifaq melalui video digital Topeng Iman’ adalah merujuk kepada tindakan pengkaji selaku pengarah produksi digital video ‘berteriak’ atau ‘mengkritik’ isu nifaq dengan berlatarbelakang kehidupan golongan pendakwah, ulama atau ustaz pengajar agama Islam. Dengan mengambil kira perspektif Ortner, S. Tahun 2023, Khoo, GS, dan Ash, E. Menurut Zirong Lu (2023), Gray (2020) yang menegaskan filem berfungsi sebagai medium "komen sosial" yang membolehkan pengkarya mengkritik isu sosial masyarakat kepada penonton. Malahan, dengan mengambil kira ciri-ciri perbuatan munafik yang dibincangkan oleh Kamarul Azmi (2018), Hakim Azmi (2020), dan Mohd Asri b. Zainul Abidin (2021) dan kes jenayah yang dilakukan oleh ulamak atau ustaz dari Paya Linda Yaya (2024), Astro Awani (2023), dan Sinar Harian (2024) sehingga menimbulkan inspirasi dan motivasi pengkaryaan video ‘Topeng Iman’. Justeru, konseptualisasi topik ‘Teriakan Nifaq melalui video digital Topeng Iman’ turtu merujuk kepada tindakan pengkaji selaku pengarah produksi digital video adalah mengkritik isu nifaq dengan memerihalkan tabiat munafik (juga dikenali sebagai Nifaq) dalam Islam serta cara tanda dan tingkah laku munafik digunakan dalam kehidupan seharian. Matlamat idea penciptaan, yang ditunjukkan oleh pemilihan tajuk persembahan "Topeng Iman," adalah untuk menunjukkan usaha kreatif pengkaji sebagai pengkarya untuk mempromosikan prinsip kejujuran, integriti, dan ketulusan sebagai prinsip yang sangat penting dalam masyarakat. Dengan berbekalkan penghasilan aspek naratif yang penuh dengan aturan





plot cerita yang memberikan simbol 'hitam' watak manusia yang nekad mengamalkan nafsu secara amarah (nifaq) sebagai plot utama penceritaan. Dalam menekuni gaya eksperimentasi dan tidak mengekalkan struktur plot perkembangan cerita secara kronologis tetapi secara anti-struktur. Lantas, plot penceritaan ini memperkenalkan kaedah narrative devices dengan menghadirkan teknik imbas (flashback), montage, sisipan video footage eksperimentasi bagi mempengaruhi struktur naratif dan pengalaman penonton semasa merasai konflik amaran amarah nifaq pada latar naratif kandungan digital video ini.

Melalui sistem sinematik kandungan video digital inilah pengkaji selaku pengkarya berteriak memaparkan simbo-simbol watak 'Topeng Imam' sebagai golongan manusia yang nekad melanggar batas murni yang dituntut dalam ajaran Islam sehingga menonjolkan sikap munafik (nifaq). Melalui imejan sinematik dan sinematik karya video Iman Topeng inilah muncul simbol visual 'teriakan' yang memerihalkan aksi gambaran hidup manusia munafik di dalam video Topeng Iman secara eksperimentalis, kontemporari dan lari konvensional aliran perdana.

1.5.2 Wadah Kritikan Sosial

Dalam dunia seni, wadah kritikan sosial biasanya dilaksanakan melalui tindakan pengkarya yang menggunakan medium artistik seperti teater, tari, lukisan, fotografi, dan termasuk media sosial untuk menyoroti isu-isu sosial yang relevan dan menarik perhatian penonton. Melalui Mohd Firdaus Naif Omran Zailuddin, Arif Datoem, Nasirin Abdillah, Yuhanis Ibrahim, Muhammad Abdullah (2021) menjelaskan terdapat





banyak aplikasi yang menyumbang kepada perkembangan pesat dalam teknologi maklumat dan komunikasi, dan saluran internet turut digunakan untuk mencapai matlamat dengan menghasil kritikan tentang isu sosial realiti masyarakat. Berbeza dengan masa lalu, media sosial kini menguasai penyampaian maklumat daripada media arus perdana. Perihal ini ekoran kandungan media sosial yang mengandungi kandungan naratif penceritaan telah berfungsi sebagai "perpustakaan maklumat" yang mengkritik kehidupan sosial individu kepada khalayak media. Manakala itu, Nor Hanisah Kamaruzzaman (2024) turut menjelaskan komentar sosial ialah tindakan menyatakan pendapat atau pandangan kritikal tentang kompleks sosial dan realiti politik menggunakan kaedah retorik untuk membuat komentar terhadap sebarang isu masyarakat. Seni telah lama digunakan oleh artis dan pengkarya untuk bercakap tentang isu ekonomi, sosial dan politik dunia mereka. Sebagai contoh, artis Greek menggunakan pentas teater untuk menyampaikan kritikan mereka.



Justeru, konseptualisasi topik ‘Teriakan Nifaq melalui video digital Topeng Iman sebagai wadah kritik sosial’ pada projek akhir ini turut merujuk kepada penghasilan video digital yang digunakan sebagai alat untuk menyuarakan pendapat tentang isu nifaq di kalangan golongan agamawan, pendakwah, ulama dan ustaz sebagai latar kritikan sosial. Dalam kata lain, konseptualisasi idea penciptaan wadah kritikan sosial pada projek akhir adalah merujuk kepada tindakan saya selaku pengkarya mengkritik isu nifaq yang diamalkan oleh golongan agamawan, pendakwah dan ustaz yang disalurkan pada penerbitan video digital. Melalui penghasilan imej video digital yang dipandukan pada kerangka teori Bordwell inilah pengkaji membawa isu kritikan sosial tentang amalan amarah nifaq sebagai pegangan hidup manusia yang jelas bercanggah dengan nilai ajaran Islam. Justeru, plot naratif yang membawa idea nifaq





inilah yang membentuk struktur naratif persembahan video digital dengan menampilkan gambaran watak-watak yang nekad dengan selera amalan nifaq sebagai plot utama konflik penceritaan. Wadah kritikal amalan nifaq (munafik) yang disalurkan pada aspek sinematik dan aspek naratif video digital dapat berfungsi sebagai alat yang membolehkan pengkaji menyatakan pendirian ini tentang isu nifaq, yang merupakan penyakit fitnah akhir zaman yang secara kreatif dimasukkan ke dalam kandungan sinematik yang dihasilkan oleh produksi video.

1.5.3 Karya Video Digital

Karya menurut Dewan Bahasa dan Pustaka online (2024) adalah bermaksud adalah tindakan kerja atau membuat hasil seni. Karya dari pandangan Dewan Bahasa dan Pustaka (2024) turut merujuk kepada ciptaan, gubahan, karangan, drama, novel atau rekaan seni. Justeru, dalam konteks projek akhir ini, maksud karya adalah wadah hasil seni yang direkacipta oleh pengkaji dengan menggunakan medium video digital. Melalui Robert (2017) menjelaskan produksi video digital merupakan alat komunikasi visual yang kuat yang boleh digunakan dalam pelbagai aspek termasuk perniagaan, pendidikan, dan hiburan. Proses penghasilan video digital melibatkan banyak komponen penting. Pertama, bagi membawa kepada proses penghasilan, adalah penting untuk memahami konsep dan matlamat video tersebut. Seterusnya, peralatan seperti perisian penyuntingan, kamera digital, mikrofon, dan pencahayaan menjadi komponen yang sangat penting dalam mencipta video berkualiti tinggi. Melalui Barbara (2018) menjelaskan produksi video digital mengandungi fasa seperti pra-produksi, produksi, dan pasca-produksi bagi melengkapkan penghasilan video digital. Penggambaran





sketsa, penulisan skrip, dan penciptaan konsep semuanya merupakan sebahagian daripada pra-produksi. Sementara itu, Johnson (2019) menjelaskan bahawa pasca-produksi terdiri daripada penyuntingan, penyuntingan bunyi, dan kesan khas, produksi terdiri daripada rakaman audio dan video. Untuk menghasilkan video digital yang baik, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira. Pertamanya, adalah penting untuk memahami sasaran penonton dan menyediakan kandungan yang melihat kepada keperluan mereka. Selanjutnya, memilih alat dan teknik yang sesuai dengan konsep dan tujuan video akan memengaruhi kualiti akhir produksi, kerana mereka sepatutnya menyokong konsep dan matlamat produksi. Kejayaan produksi video digital boleh ditingkatkan melalui pasca-produksi yang teliti, pelaksanaan berhati-hati, dan persediaan yang teliti. Termasuk komen dari penonton dan pasukan produksi juga boleh meningkatkan kualiti dan daya tarikan media digital.



Justeru, idea konsepstualisasi penciptaan karya video digital pada projek akhir ini adalah merujuk kepada penggunaan video digital sebagai medium pengkaryaan bukan sahaja berfungsi sebagai sumber komentar sosial untuk memerihalkan tentang isu nifak dari kehidupan ulama sebagai latar belakang penceritaan. Melalui latar isu nifak yang diamalkan dari kalangan golongan ulama inilah pengkaji akan menghasilkan elemen sinematik dengan mainan permainan shot-shot yang simbolik, penuh dengan permainan gestur dan gerak kreatif lakonan tubuh sebagai mewakili watak ulama protagonis dan antoganis yang penuh dengan amalan "munafik". Bagi memantapkan elemen sinematik secara eksperimentasi. Pengkaji selaku penghasil cerita pada produksi video ini bakal menghasilkan bunyi-bunyi dialog mainan suara vokal yang tidak selari (synchronization) dengan aksi dan pergerakan tubuh lakon watak yang realistik. Malahan, bunyi audiotif secara dimanipulasi untuk menghasilkan bunyi





sebagai simbol pada latar persembahan. Tegasnya, karya produksi video digital yang dihasilkan dari kerangka teori Bordwell jelas menunjukkan aspek sinematik tidak lagi mengandungi struktur bentuk *mise-en-scene*, bentuk sinematografi (shot dan pergerakan kamera), teknik penyuntingan dan audio secara kronologi semasa naratif penceritaan diaturkan pada setiap plot ke plot penceritaan. Dalam kata lain, plot perkembangan struktur penceritaan tidak selari dengan bentuk sinematik persembahan secara konvensional dan sebaliknya bersifat anti-struktur dan penuh simbolis. Perkara ini boleh dicapai oleh pengkaji dengan memanipulasi sesi penyuntingan pasca produksi digital video untuk memerihalkan isu sifat "nifak" ulama sebagai latar naratif penceritaan secara anti-realis dan anti-struktur.



Bagi merekacipta dan mendemonstrasikan wadah kritikan isu nifak melalui kerangka teori Bordwell sebagai bentuk pengkaryaan. Maka, imaginasi idea penciptaan pengkaji pada projek akhir adalah dengan memanipulasi mainan aspek sinematik dan aspek naratif pada kandungan produksi video digital. Dalam kata lain, pengkaji selaku pengarah produk video digital boleh menghasilkan drama video secara anti-struktural, non-realis dan sifat eksperimentalis dengan memanipulasi elemen sinematografi seperti mainan kamera dan shot. Perihal ini dapat memberi kesan estetika sinematik yang unik dengan memanipulasikan mainan kamera dan membuat rakaman yang tidak biasa, agar pengkaji boleh mencipta estetika visual yang unik dan menarik. Ini boleh termasuk penggunaan sudut pandang yang luar biasa, gerakan kamera yang tidak dijangka atau komposisi framing yang tidak biasa. Karya eksperimental ini boleh menarik perhatian





penonton dan menyediakan pengalaman visual yang menyegarkan. Pengkaji turut berimajinasi untuk menghasilkan pengalaman sensorial yang mendalam dengan manipulasi sinematografi pada mainan pergerakan kamera dan shot-shot yang kontradik dari peranan asal. Misalnya, pengkaji selaku pengarah boleh sahaja menghasilkan kesan visual yang unik dan pelik yang terhasil dari manipulasi penggunaan gerakan kamera yang cepat atau distorsi visual, yang mana kesan garaban ini dapat meningkatkan rasa dramatik pada latar cerita ini.

Di samping itu, idea penciptaan aksi gambaran "nifaq" ini dapat diperhatikan melalui memanipulasi mainan kamera dan shot. Dengan memanipulasikan sinematik secara eksperimentasi, maka aspek pencahayaan menjelmakan warna filter yang dramatik, permainan framing yang penuh shot-shot simbolik, dan pergerakan kamera yang dinamik. Dengan itu juga, penulis selaku pengarah video digital boleh memamerkan gaya dan teknik video digital baru dengan cara memanipulasi elemen sinematografi, seperti mainan kamera dan shot, boleh membantu krew mengembangkan identiti artistik mereka dan mencuba pendekatan baharu. Ini membolehkan penemuan baru dalam industri sinematografi dan meningkatkan pengalaman artistik penonton.

Untuk menghasilkan imaginasi idea penciptaan drama video yang berbeza daripada yang konvensional, manipulasi elemen *mise-en-scène*, yang termasuk pencahayaan, setting, kostum, props, posisi, dan gerakan pelakon bakal dimanipulasikan. Pengkaji boleh mencipta suasana yang ekstrem melalui manipulasi *mise-en-scène*. Misalnya, pengkaji boleh mencipta suasana latar *mise-en-scène* secara dunia fantasi atau abstrak yang melampaui realiti konvensional. Dengan itu pengkaji





dapat membawa penonton ke dunia yang mengagumkan dan mempesona dengan menggunakan persekitaran yang menyokong kepada dramatik persembahan. Pengkaji tegaskan elemen *mise-en-scène* pada projek akhir digunakan untuk menyampaikan simbolisme dan metafora. Dengan itu, pengkaji selaku pengarah video digital dapat memperkaya pengalaman penonton dengan menggambarkan sebuah filem eksperimental yang lari *mise-en-scène* secara normatif.

Ringkasnya, pengkaji selaku Pengarah mencipta drama video yang menyimpang daripada konvensional, mengeksplorasi idea baru, dan menyediakan pengalaman sinematik yang mengagumkan dan mendalam kepada penonton dengan mengubah aspek *mise-en-scène*. Ini membolehkan kreativiti dan inovasi dalam pembuatan filem dan memperkaya warisan seni sinematik dengan karya yang berani dan unik. Di samping itu, konsep sinematografi dibawa ke tingkat yang lebih mendalam dengan penciptaan kerangka sinematik audiotif sebagai medium untuk kritikan sosial melalui medium video digital. Ia bukan sekadar mengkaji cara bunyi dan bunyi digunakan dalam filem, ia juga boleh dimanipulasikan dengan menyampaikan mesej sosial, mengkritik isu kritikal, dan mengkritik isu semasa masyarakat. Pengkaji selaku pengarah turut boleh mencipta karya digital video yang menyimpang daripada konvensional, mengeksplorasi idea baru, dan memberikan penonton pengalaman sinematik yang mendalam dan mengagumkan melalui manipulasi elemen sinematografi, tatabunyi, dan teknik penyuntingan. Ini membolehkan kreativiti dan inovasi dalam pembuatan produk video serta memperkaya warisan seni sinematik dengan karya yang berani dan unik.

